



Dalam Islam, perkahwinan merupakan elemen yang amat penting dalam membina sesebuah institusi kekeluargaan. Oleh sebab itu, Islam telah menggariskan beberapa perkara bagi memastikan perkahwinan yang dilangsungkan adalah sah selaras dengan rukun yang ditetapkan syarak.

Walaupun bagaimanapun, Islam tidak mensyaratkan supaya sesebuah perkahwinan itu direkodkan atau didaftarkan. Memadai pernikahan itu dijalankan dengan memenuhi lima rukun nikah; calon suami, calon isteri, wali, dua orang saksi lelaki serta ijab dan qabul. Sebaliknya, undang-undang pula menguatkuasakan peruntukan bahawa setiap perkahwinan itu perlu didaftarkan.

Pendaftaran akan menjadi teratur apabila pihak-pihak telah membuat permohonan berkahwin di negeri masing-masing sebagaimana peruntukan Seksyen 16 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003. Calon suami perlu terlebih dahulu melengkapkan borang kebenaran berkahwin dan menyerahkan kepada calon isteri. Seterusnya, calon isteri juga akan melengkapkan borang permohonan berkahwin dan menghantar bersama kebenaran berkahwin calon suami tadi ke Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS). Jika Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS) berpuas hati dengan permohonan tersebut, maka satu kebenaran berkahwin akan diberikan kepada pihak-pihak sebagaimana peruntukan Seksyen 18 dan 19 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

Selepas akad dilangsungkan, kedua-dua pihak akan diberikan Sijil Nikah membuktikan bahawa pernikahan itu telah didaftarkan sebagaimana peruntukan Seksyen 22 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

Sekiranya ada pihak mengetahui perkahwinan suatu pihak lain itu tidak sah atau tidak legal, maka menjadi kewajipan pihak yang mengetahui tersebut melaporkannya di Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS) sebagaimana peruntukan Seksyen 27 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

Efek perkahwinan tanpa kebenaran boleh menyebabkan pasangan tersebut dikenakan tindakan undang-undang. Seksyen 40 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran yang mana boleh didenda

Risiko tidak mendaftar perkahwinan?

Perkahwinan yang tidak didaftarkan memberikan banyak implikasi negatif. Antaranya;

- i. Jika berlaku perceraian, maka ianya tidak boleh direkodkan kerana perkahwinan itu tidak didaftarkan terlebih dahulu. Ekoran dari hal ini, pihak-pihak tidak boleh memfailkan apa-apa tuntutan berbangkit selepas cerai. Antaranya; Tuntutan Hak Jagaan Anak, Tuntutan Harta Sepencarian, Tuntutan Nafkah Iddah, Tuntutan Nafkah Anak, Tuntutan Mutaah dan lain-lain.
- ii. Jika berlaku kematian, salah satu pasangan juga tidak boleh menuntut sebarang harta pusaka untuk diagihkan mengikut sistem faraid.
- iii. Kesukaran mendaftarkan kelahiran anak.

Perkara ini terjadi kerana tiada sebarang bukti dokumentasi yang dapat mengesahkan bahawa pasangan-pasangan tersebut adalah suami isteri yang sah menurut undang-undang.



Oleh yang demikian, objektif kepada pendaftaran perkahwinan itu hakikatnya jelas memberikan kemaslahatan yang lebih utama.

Pendaftaran perkahwinan menjadi faktor penting suatu perkahwinan itu diiktiraf disisi undang-undang. Undang-undang diadakan untuk faedah masyarakat. Dengan perkataan lain, adanya undang-undang dapat menjamin ketertiban masyarakat; ia bererti orang dapat hidup dengan lebih bahagia. Tujuan utama undang-undang bukanlah untuk menghukum walaupun biasanya bila orang melanggar undang-undang, mereka kebiasaannya akan dijatuhi hukuman denda dan penjara.